

GROUP DEPARTURE 2026: 6 HARI 4 MALAM KOREA + EVERLAND THEMEPARK (FULLBOARD HALAL – ALL IN)

KOREA

Tour Code: S003

DOWNLOAD PDF ITINERARY

Rasai pengalaman percutian Korea yang penuh keseronokan! Lawati bandar-bandar terkenal sambil menikmati keindahan budaya, membeli-belah, dan makanan tempatan.

Pakej ini termasuk tiket masuk ke Everland Theme Park, taman tema terbesar Korea, di mana anda boleh mencuba pelbagai permainan menarik, melihat pertunjukan, dan berjumpa maskot comel.



SENARAI HARGA:

TARIKH	MUSIM	HARGA SEORANG (RM)					SAIZ KUMPULAN (MIN)
		BERDUA/ BERTIGA	SINGLE SUPP	KANAK- KANAK DENGAN KATIL	KANAK- KANAK DENGAN KATIL TAMBAHAN	KANAK- KANAK TANPA KATIL	
2026							
13/6 - 18/6	Summer (MH)	4,490	900	4,490	4,280	4,050	20 - 25 pax
3/9 - 8/9	Autumn (MH)	4,890	900	4,890	4,660	4,420	
17/10 - 22/10	Autumn (MH)	4,990	900	4,990	4,750	4,500	
DISKAUN SENIOR CITIZEN / LOYALTY - RM50/PAX				DISKAUN GROUP OF 3/4 - RM50/PAX			

PAKEJ TERMASUK:

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3★ termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi, makan tengah hari dan makan malam sepanjang lawatan (mengikut aturcara).
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Everland Themepark, Nami Island & Gyeongbokgung Palace.
- Pengangkutan feri ke Nami Island dan Golf Cart di Haneul Park
- Kos pemprosesan K-ETA (untuk warganegara Malaysia sahaja).
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan & pemandu pelancong profesional.
- Tip untuk pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.
- Shopping Compulsory: Ginseng Center, Red Pine Tree Shop, Cosmetic Shop.

PAKEJ TAK TERMASUK:

Insurans perjalanan RM89/seorang (Etiqa Takaful / Platinum Plan / umur 70 tahun dan ke atas tertakluk kepada surcaj)

Urusan permohonan K-ETA

Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak & cuti sekolah.

Servis tambahan di hotel: snek, mini bar, dobi & porter.

Makan minum, tiket masuk dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.

Bayaran lebihan had bagasi penerbangan.

Perkara lain yang tidak dinyatakan dalam aturcara dan harga pakej.

*Nota: Kadar tertakluk kepada perubahan tanpa notis awal sekiranya bilangan pax dikurangkan dan disebabkan oleh turun naik mata wang.

ITINERARI PAKEJ

HARI 1: KUALA LUMPUR - INCHEON

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Incheon.

HARI 2: INCHEON - CHUNCHEON - INCHEON (SP/MT/MM)

• Nami Island: Pulau yang cukup terkenal sebagai lokasi penggambaran Winter Sonata dan mempunyai tarikan pemandangan semulajadi yang berbeza mengikut musim.

Lawatan bulan Mac – November

• The Garden of the Morning Calm – taman ini mempamerkan keindahan semula jadi melalui susunan bunga yang menakjubkan dan taman-taman yang direka dengan indah. Sempurna untuk pencinta alam dan peminat drama Korea, latar belakang yang indah ini telah dipaparkan dalam siri TV popular seperti 'Moonlight Drawn by Clouds'.

• INSPIRE Aurora LED Display, menampilkan skrin LED sepanjang 150m yang beresolusi tinggi di siling, dinding dan tiang, dengan 'pertunjukan' setiap 30 minit.

=====

Lawatan bulan Disember – Februari.

• Dibawa ke Ski Resort untuk merasai pengalaman bermain salji di ski resort.

Kos tambahan:

Sewa pakaian ski 15,000 won & sewa peralatan ski 35,000 won.

Bermalam di Incheon.

HARI 3: INCHEON - SEOUL (SP/MT/MM)

Lawatan di Seoul

• Gwanghwamun Gate: Pintu masuk utama ke istana. Melihat upacara pertukaran pengawal yang dilakukan sejak dari tahun 1469 sehingga ke harini.

• Gyeongbokgung Palace: Dibina pada tahun 1395 ketika era Dinasti Joseon, istana pemerintahan ini merupakan yang terbesar dan tercantik di Korea.

- Bersiar-siar di Itaewon Street yang merupakan kawasan tumpuan penduduk tempatan dengan pelbagai jenis makanan jalanan, persembahan artis jalanan dan kafe-kafe.
- Mendirikan solat di Seoul Central Mosque yang dibina pada tahun 1976 dan satu-satunya masjid di tengah kota Seoul.
- Membeli-belah di kawasan terkenal Myeongdong Market dan Nandaemun Market untuk membeli cenderamata atau pakaian termasuklah butik-butik yang berjenama.
- Bersiar-siar di sepanjang laluan pejalan Cheonggye-Cheon Stream sambil menonton persembahan lampu dan air yang terdapat di sepanjang sungai ni.

Bermalam di Seoul.

HARI 4: SEOUL (SP/MT/MM)

- Hanok Village: Sebuah perkampungan tradisional Korea di Seoul dengan sejarah panjang yang terletak di puncak bukit antara Istana Gyeongbok, Istana Chang-deok dan Tokong Diraja Jongmyo.
- Starfield Library: Perpustakaan awam yang terletak di dalam COEX Mall ini menempatkan ribuan jenis buku dan merupakan lokasi terkenal untuk pelancong berfoto.
- Bersiar-siar di Apgujeong Rodeo Street yang terletak di Gangnam, yang juga digelar Beverly Hills Korea kerana kawasan ini dipenuhi dengan segala macam jenis butik pakaian berjenama dan berfoto dengan GangnamDols kumpulan K-Pop di K-Star Road.
- Membeli-belah di Cosmetic Shop.
- Haneul Park: Taman yang terletak di dalam kawasan World Cup Park ini merupakan lokasi terbaik untuk bergambar bagi foto Instagram dengan tumbuhan dan pokok-pokok di sekitarnya berubah ikut musim dan juga terdapat menara tinjau yang menawarkan pemandangan 360° kotaraya Seoul.
- Hongdae University Street: Bersiar-siar dan membeli cenderamata atau barangan kraftangan saat akhir di kawasan yang menjadi tumpuan para pelajar universiti.

Bermalam di Seoul.

HARI 5: SEOUL - EVERLAND - SEOUL (SP/MT/MM)

- Masa bebas untuk berhibur dan bermain-main bersama keluarga di taman tema Everland Theme Park yang menawarkan pelbagai tarikan yang menarik dan menjadi lokasi tumpuan rakyat tempatan berhibur. Antara tarikan di situ ialah roller coaster, show parade, istana kanak-kanak, taman bunga dan lain-lain.
- Membeli-belah di kawasan terkenal tengah bandar iaitu Dongdaemun Design Plaza yang terkenal dengan rekabentuknya yang unik.

Bermalam di Seoul.

HARI 6: INCHEON - KUALA LUMPUR

Bergerak ke Lapangan Terbang Incheon untuk menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur

PENGINAPAN:

BANDAR	BILANGAN MALAM
Incheon	1
Seoul	3

BUTIRAN PENERBANGAN: MALAYSIA AIRLINES (MH)

MH 38 KUL ICN 1450 2230

MH 39 ICN KUL 0010 0545

NON- REFUNDABLE DEPOSIT

RM1,000 / SEORANG

Sebarang pertanyaan tentang pakej hubungi :

Admin Office : 010-321 6357

Zawati : 019-2277 253

Saidatul : 011-2866 2548